



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 18 SEPTEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	SELUDUP TUJUH EKOR RUSA RM35,000 DARI NEGARA JIRAN, NEGARA, KOSMO -17 DUA DITAHAN SELUDUP TUJUH RUSA, LOKAL, HM -16	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
3. 4. 5.	BOT PUKAT TUNDA LANGGAR SYARAT LESEN DITAHAN, NEGERI PERAK, SH -26 BENIH UDANG, IKAN MATI AKIBAT PENCEMARAN, DALAM NEGERI, UM -13 KOMITMEN PULIHARA ALAM SEKITAR, NEGARA, KOSMO -7	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6.	ZAMRI, PENERUS NAFAS BAHARU, NEGARA, KOSMO -16	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17.	PERNAH RAIH RM2,000 JUAL IKAN LAGA, NEGARA, KOSMO -7 300 AYAM, 500KG IKAN HABIS TAK SAMPAI 2 JAM, NEGERI SELANGOR, SH -25 KEBUN KOMUNITI JANA UNTUNG RM8,000, NEGARA, KOSMO -16 KPDNHEP ARAHKAN 34 PENIAGA TURUNKAN HARGA AYAM SERTA MERTA, NEGARA, KOSMO -16 KOPERASI TEROKA INDUSTRI TERNAKAN LEMBU, BISNES, HM -25 KOPERASI TEROKA INDUSTRI TERNAKAN LEMBU, MSN.COM -ONLINE TIGA KEMENTERIAN TERMASUK MOF KAJI STABILKAN HARGA AYAM, KOSMO -ONLINE SESI LIBAT URUS STABILKAN HARGA AYAM DI PASARAN, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE IDAM TANGKAP IBU GELAMA DI MUSIM MENGAWAN, K2, KOSMO -22 FISHERMEN'S SWITCH TO MUSHROOM FARMING PAYS OFF, NEWS IN BRIEF, NST -12 MINISTRY LOOKING INTO SOLUTION TP STABILISE CHICKEN PRICE, NATION, THE STAR -4	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/9/2021	KOSMO	NEGARA	17

Bermula daripada 'suka-suka', kini bertukar menjadi sumber pendapatan

Pernah raih RM2,000 jual ikan laga

Oleh MASTURAH SURADI

KOTA TINGGI – Siapa sangka daripada sekadar 'suka-suka', seorang pemuda di Kampung Kelantan di sini pernah meraih sehingga RM2,000 seminggu hasil jualan ikan laga yang dipeliharanya.

Sadam Hussin Jaffar @ Ahmad, 30, berkata, minatnya terhadap ikan laga bermula sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lalu.

Menurutnya, dia mula tertarik dengan kecantikan ikan itu sebelum memblakkan lebih 30 induk berlainan spesies sehingga berjaya menghasilkan ribuan anak ikan laga.

"Ketika PKP, saya tidak tahu nak buat apa, jadi apabila lihat orang main ikan laga, saya pun tertarik dan memeliharanya.

"Saya kemudian mula kacuk (hibrid) 30 induk ikan laga dan ia semakin membiak. Jadi, saya buat keputusan untuk men-



SADAM menunjukkan koleksi ikan laga ketika ditemui di Kampung Kelantan, Kota-Tinggi semalam.

jualnya secara dalam talian," katanya ketika ditemui semalam.

Sadam memberitahu, dia hanya membuat live di media sosial seminggu sekali untuk menarik peminat ikan laga dan sambutan

amat menggalakkan.

Katanya, ketika itu ikan laga yang dijualnya pernah mencecah RM150 seekor.

"Harga bergantung kepada kecantikan ikan, lebih cantik, lebih

mahal. Kita kena pandai cari induk untuk dikahwinkan dan mestilah yang cantik bagi mendapatkan anak-anak ikan yang cantik," ujarnya.

Tambahnya, cabaran untuk

menjaga ikan laga adalah sewaktu masih kecil yang mana kesemua anak ikan yang menetas tidak akan hidup 100 peratus.

Ujarnya, perkara yang paling rumit adalah makanannya kerana anak ikan makan kutu air bersaiz kecil dan mengaibul masa dua hingga tiga bulan untuk dapat melibat perubahan warnanya.

"Saya bersyukur kerana mendapat sokongan wakil rakyat dan pihak pengurusan kampung sehingga membolehkan saya membina rumah ikan untuk menempatkan semua koleksi.

"Cuma sekarang ini sambutan terhadap ikan laga semakin berkurangan berbanding pada awal PKP apabila ramal yang sanggup melaburkan duit untuk hobi mereka.

"Mungkin orang ramai kini lebih mengamalkan kehidupan berjinmat-cermat. Bagaimanapun, koleksi ikan saya masih tetap ada permintaan," ujarnya.

Seludup tujuh ekor rusa RM35,000 dari negara jiran

RANTAU PANJANG – Batalion 7 Pasukan Gerakan Am (PGA) menahan dua lelaki selepas dipercayai menyeludup tujuh ekor rusa bernilai RM35,000 dari negara jiran menggunakan kenderaan masing-masing di Kampung Siram di sini kelmarin.

Van Toyota LiteAce dan kenderaan pacuan empat roda Isuzu D-max itu masing-masing dipandu lelaki berusia 34 dan 41 tahun ditahan pukul 11 malam ketika melahui kampung tersebut.

Pegawai Pemerintah Batalion 7 PGA, Superintendent Azhari Nusi berkata, ketika melakukan rondaan di Jeram Perdah II di sini, pasukannya menahan dua

buah kenderaan yang dipandu dalam keadaan mencurigakan.

Katanya, pemeriksaan ke atas dua kenderaan terbabit telah menemui tiga kotak kayu besar mengandungi tujuh ekor rusa.

"Dokumen pemindahan yang dikemukakan suspek telah tamal tempoh dan bilangan rusa tidak sepadan dalam lampiran itu.

"Rusa-rusa itu dipercayai diseludup ekoran daging haiwan berkenaan mempunyai permintaan tinggi di seluruh negara," katanya dalam satu kenyataan.

Kedua-dua suspek termasuk barangan rampasan dibawa ke Balai Polis Jeram Perdah di sini untuk tindakan lanjut.



SEBAHAGIAN daripada tujuh ekor rusa yang dirampas PGA di Kampung Siram, Rantau Panjang Kelantan. - GAMBAR IHSAN PGA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/9/2021	HARIAN METRO	LOKAL	16



RUSA yang dirampas anggota PGA7 di Kampung Siram Alor, kelmarin.

Dua ditahan seludup tujuh rusa

Pasir Mas: Tindakan berani dua lelaki membawa rusa secara seludup membawa padah apabila kegiatan itu dikesan anggota Batalion 7 Pasukan Gerakan Am (PGA7) di Kampung Siram Alor di sini, kelmarin.

Hasil penahanan itu, anggota PGA7 merampas tujuh rusa bernilai RM35,000 selain menahan dua suspek berusia 34 dan 41 tahun.

Pegawai Pemerintah PGA7, Superintendan Azhari Nusi berkata, dalam kejadian jam 11 malam itu, anggota membuat rondaan di sekitar kawasan Jeram Perdah sebelum terserempak van Toyota Liteace berwarna biru dalam keadaan mencurigakan.

"Anggota mengarahkan pemandu van itu memberhentikan kenderaan sebelum meminta kedua-dua suspek mengemukakan kad pengenalan diri.

"Seterusnya, anggota bertugas membuat pemeriksaan di dalam van dan menemui tiga kotak kayu ber-

saiz besar yang di dalamnya ditempatkan semua rusa berkenaan.

"Hasil semakan mendapati dokumen pemindahan digunakan adalah untuk pemindahan haiwan lain bukannya rusa, selain bilangan haiwan sepatutnya dibawa adalah lima sahaja," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Azhari berkata, semua haiwan dirampas serta kedua-dua suspek ditahan dibawa ke Balai Polis Jeram Perdah bagi tindakan lanjut sebelum rusa berkenaan diserahkan kepada Jabatan Veterinar Negeri Kelantan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953.

"Kami percaya rusa ini diseludup melalui jalan sungai tidak diwartakan untuk pasaran bukan sahaja di Kelantan, tetapi seluruh negara. Rusa berkenaan juga disyaki dibawa ke sebuah ladang di sekitar Pasir Mas sebagai lokasi transit," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/9/2021	SINAR HARIAN	NEGERI PERAK	26

Bot pukat tunda langgar syarat lesen ditahan

LUMUT - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) menahan sebuah bot pukat tunda kelas B yang disyaki melanggar syarat sah lesen di sini pada Khamis.

Dalam kejadian kira-kira jam 8.30 pagi itu, bot yang dikendalikan dua kru warga tempatan berusia 58 dan 69 tahun itu ditahan di kedudukan lebih kurang 4.5 batu nautika barat daya Pulau Pasir Hitam di sini.

Pengarah Maritim Malaysia Perak, Kepten Maritim Shahrizan Raman berkata, tangkapan dilakukan pasukan Maritim Malaysia ketika melaksanakan Ops Benteng dan Ops Pintas di sempadan perairan negeri itu.

“Ketika ditahan, kru terbabit melakukan aktiviti perikanan berhampiran dengan menggunakan pukat tunda sebagai alat penangkapan ikan di kawasan kurang

daripada lima batu nautika seperti kebenaran syarat sah lesen.

“Bot bersama kru serta hasil tangkapan dianggarkan seberat 50 kilogram dibawa ke Pusat Tahanan Vesel (PTV) Kampung Bharu bagi tindakan lanjut,” katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Pada masa sama, Shahrizan berkata, pihaknya turut merampas 50 set bubu naga bernilai RM6,000 di sekitar perairan tersebut.

“Kesemua bubu dengan anggaran harga RM120 setiap unit dirampas dan dibawa ke Jeti Perikanan Kampung Acheh untuk tindakan dan siasatan lanjut.

“Pemilik bubu naga boleh didakwa di bawah Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan dengan menggunakan kaedah yang tidak dibenarkan,” katanya.



FOTO: IHSAN MARITIM PERAK

Bot pukat tunda yang dikendalikan dua kru ditahan selepas didapati melanggar syarat sah lesen.

Benih udang, ikan mati akibat pencemaran

TAMPIN: Penduduk di Kampung Londah, Gemas di sini dikejutkan dengan pencemaran Sungai Londah yang membawa kepada kematian beratus-ratus benih udang dan ikan di tebing sungai itu lewat petang semalam.

Pengerusi MyKomuniti Perikanan Londah, **Ahmad Ujang** berkata, kejadian tersebut dilaporkan oleh kaki pancing sekitar pukul 6 petang dan pihaknya telah membawanya ke pengetahuan pihak berwajib.

"Terdapat aliran minyak berwarna hitam di sungai dan kita bimbang sekiranya pencemaran minyak itu tidak diatasi, pelbagai hidupan sungai yang menjadi mata pencarian nelayan darat akan musnah.

"Pada tahun 2018, air sungai ini pernah bertukar menjadi 'jernih' disebabkan terdapat

bahan kimia dilepas masuk sehingga menyebabkan hidupan sungai menjadi pening dan ada yang mati," katanya ketika ditemui di Kampung Londah, Gemas dekat sini, semalam.

Ahmad berkata, sungai tersebut kaya dengan pelbagai hasil sungai seperti udang, ikan lampam dan baung yang menjadi punca rezeki nelayan.

"Sudah tentu kami mahu sungai ini terjaga serta tidak tercemar kerana kami memang bergantung pendapatan daripada hasil sungai ini," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Londah, **Datuk Raja Roslizam Ramli** berkata, pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Perikanan dan pihak pentadbiran daerah telah meninjau sungai yang tercemar tersebut.



RAJA Roslizam Ramli (kanan) dan Ahmad Ujang menunjukkan gambar benih udang yang ditemui mati di tepi pasir Sungai Londah akibat kejadian pencemaran di sungai berkenaan, semalam. - UTUSAN/NOR AINNA HAMZAH



KELAH boleh dijadikan sebagai penanda aras kepada kualiti ekosistem sungai kerana kehadiranya menandakan sungai tersebut sihat serta memiliki biodiversiti yang tinggi.

KELAH dikategorikan sebagai haiwan terancam dan perlu dilindungi.

Projek santuari kelah manifestasi agenda kelestarian TNB

Komitmen pulihara alam sekitar

Oleh IKHWAN IDERIS

IKAN kelah bukan sekadar 'Raja Sungai' di Malaysia, tetapi juga di saliran dan sungai dari Banjaran Himalaya hinggalah ke negara Asia lain termasuk Afghanistan, Pakistan, India, Bangladesh, Nepal, Myanmar, Sri Lanka, Thailand, Kemboja, Laos, China, Vietnam dan Indonesia.

Spesies ikan dengan nama saintifik *Tor tambra* ini hidup di habitat hulu sungai berarus deras, jernih dan berbatu. Ia berada dalam kelas tersendiri bagi pemikatnya dengan tekstur daging halus serta sedap yang mengangkat lagi harganya sehingga boleh mencecah paras RM500 sekilogram.

Mengikut daftar merah *International Union for Conservation of Nature* (IUCN Red List), kelah merupakan hidupan terancam dan sangat sensitif terhadap sebarang perubahan pada ekosistem sungai.

Ia turut dikategorikan sebagai haiwan terancam di Malaysia dan dilindungi di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972.

Istimewanya kelah ini adalah ia boleh dijadikan penanda aras kepada kualiti ekosistem sungai. Sekiranya kelah boleh hidup dan membiak, itu menandakan sungai berkenaan adalah habitat yang sihat serta memiliki biodiversiti tinggi.

Ciri ini dimanfaatkan oleh syarikat utiliti negara, Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi memastikan operasi penjana tenaga elektrik menerusi pembinaan empangan hidro di Hulu Terengganu dan Sungai Perak tidak menjejaskan ekosistem hidupan air di kawasan berhampiran.

Sehingga kini, dua santuari



TNB dan komuniti setempat sentiasa bekerjasama untuk melakukan kajian dan pembangunan bagi memastikan populasi ikan kelah tidak terjejas untuk manfaat masa depan. - FOTO DIAMBIL SEBELUM PANDEMIK COVID-19

kelah telah diaktifkan TNB iaitu di Sungai Tembat, Hulu Terengganu dan Sungai Tiang di Hutan Royal Belum, Perak yang mana kedua-duanya memiliki sumbangan tersendiri kepada agenda kelestarian TNB kepada alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) yang semakin menjadi fokus komuniti global termasuk pelabur.

Sayangnya santuari Sungai Tembat terpaksa ditutup atas kesukaran logistik disebabkan lokasinya terletak jauh di kawasan hulu, namun santuari Sungai Tiang sedang giat dibangunkan dan bakal dikomersialkan selepas pandemik berakhir.

Sehingga kini, TNB melalui anak syarikat penuhnya, TNB Power Generation Sdn. Bhd. (TNB Genco) membelanjakan RM6 juta bagi menjalankan kajian pelbagai pemuliharaan alam sekitar di kedua-dua stesen hidro

elektrik Hulu Terengganu dan Sungai Perak, termasuk Program Pemuliharaan Ekologi Akuatik khususnya bagi mengekalkan dan mendorong pertumbuhan kelah.

Ketika pembinaan Stesen Janakuasa Hulu Terengganu, sebanyak 772 ekor ikan dipindahkan ke hulu sungai dalam aktiviti menyelamatkan ikan, termasuk rekod penemuan induk kelah terbesar, seberat 15 kilogram.

Menurut Penyelidik/Koordinator Program TNB Research (TNBR), Dr. Mohd. Shafiq Zakeyyuddin, beliau dan TNB Genco bersama masyarakat setempat telah melakukan kajian perintis dan membangunkan kaedah terbaik bagi memastikan populasi ikan tidak terjejas.

Ia melibatkan pemantauan kualiti air dan hidupan akuatik, aktiviti menyelamatkan ikan, pembinaan santuari ikan, aktiviti

pelepasan dan pelepasan benih ikan, penilaian program memancing rekreasi, kajian pergerakan ikan dan aktiviti bersama masyarakat atau Program Komunikasi dan Kesedaran Awam.

"Kejayaan utama program ini ialah mengekalkan populasi induk kelah dan mendorong pertumbuhan ikan antara 27.47 peratus dan 61.63 peratus bagi purata panjang dan berat ikan dominan.

"Saya berharap program ini dapat dilaksanakan secara berterusan dan mendapat sokongan semua pihak kerana ia bukan sekadar memanfaatkan alam sekitar, malah membuka peluang ekonomi baharu buat penduduk setempat," katanya.

Dalam aspek pemuliharaan ekologi air, program di Hulu Terengganu menjadi penanda aras usaha pembangunan lestari

Menarik tentang kelah

- Mendiari sungai berarus deras, mempunyai beberapa peringkat jeram dan lubuk serta kaya dengan tumbuhan pinggir sungai.
- Diet utamanya ialah buah ara, serangga akuatik dan darat, anak ikan, udang serta plankton.
- Tidak mendiami kawasan tasik kerana tasik tidak berarus, manakala suhu airnya adalah lebih panas.
- Suka berhijrah melawan arus dari sungai utama ke hulu dan anak sungai untuk bertelur.

projek hidro elektrik TNB Genco, sekali gus menjadi rujukan masa hadapan terutamanya bagi projek hidroelektrik seperti di Nenggiri, Kelantan.

Sebelum pandemik melanda, Program Pemuliharaan Ekologi Akuatik di Hulu Terengganu telah menjana pendapatan bersih RM77,200 buat komuniti tempatan melalui aktiviti memancing sepanjang 16 bulan beroperasi sehingga November 2019.

Sebahagian daripada hasil tersebut disumbangkan kepada anak-anak ahli Koperasi Eko-Pelancongan Hulu Terengganu yang ditubuhkan komuniti memancing sepanjang 16 bulan beroperasi sehingga November 2019.

Selain mendapat maklum balas positif Jabatan Perikanan, Jabatan Perhutanan, Jabatan Alam Sekitar dan warga kerja TNB sendiri, santuari ikan ini merupakan manifestasi kepada komitmen TNB terhadap kelestarian alam sekitar.

13 penduduk Gemencheh Baru usahakan tanaman sayuran sejak empat tahun lalu

Kebun komuniti jana untung RM8,000



HAMZAH (kiri) bersama sebahagian penduduk yang mengusahakan kebun komuniti di Gemencheh Baru, Tampin, baru-baru ini.

Oleh NOR AINNA HAMZAH

TAMPIN – Kebun komuniti yang diusahakan 13 penduduk Gemencheh Baru dekat sini dengan menanam sayuran antaranya mami, terung dan kacang panjang memberi pulangan lumayan sejak empat tahun lalu.

Sepanjang tahun ini sahaja, kebun yang diusahakan atas tanah seluas 0.404 hektar itu telah mencatat keuntungan mencecah RM8,000.

Pengerusi Ahli Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Gemencheh Baru, Hamzah Ishak berkata, mereka yang mengusahakan kebun berkenaan terdiri daripada yang telah bersara dan suri rumah.

Katanya, selain menjana pendapatan, aktiviti ini juga secara tidak langsung mengisi masa lapang golongan berusia selain memastikan mereka kekal aktif.

"Sayur-sayuran ini akan dijual kepada penduduk kampung dan ahli KRT dengan harga berpatutan.

"Sebanyak 20 peratus dari-

pada jumlah keuntungan jualan akan dimasukkan ke dalam tabung KRT untuk pelaksanaan program berikutnya," katanya.

Bellau ditemui sempena Program MAFI #Kitabersama: RT CARES dan Penyerahan Mock Check Dana Erat@NS, di Pusat Rukun Tetangga Gemencheh Baru, di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Sembilan, Datuk Bakri Sawir dan Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Perpaduan, Penerangan dan Integrasi Nasional Negeri Sembilan, Choo Ken Hwa.

Pada program berkenaan, Ken Hwa turut menyampaikan replika cek Projek Pertanian di bawah Dana ERAT@NS bernilai RM5,000 kepada Rukun Tetangga (RT) Gemencheh Baru.

Menurut Ken Hwa, dana berkenaan adalah sebagai galakan kepada RT Gemencheh Baru untuk mempelbagaikan lagi usaha dalam meningkatkan pengeluaran hasil pertanian di projek kebun komuniti tersebut.

Zamri, Pengerusi Nafas baharu

PETALING JAYA – Datuk Zamri Yaakob dipilih sebagai Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah (AJP) Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) yang baharu berkuat kuasa 13 September lalu.

Nafas dalam satu kenyataan memaklumkan, pemilihan Zamri dibuat melalui proses pengundian oleh semua AJP pertubuhan, dikendalikan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) selaku Pendaftar Pertubuhan Peladang, Isnin lalu.

"Proses pemilihan semula dibuat susulan peletakan jawatan Pengerusi AJP terdahulu, Dr. Anis Mahmud.

"Nafas percaya pengalaman luas bellau dalam bidang pertanian serta pengurusan Pertubuhan Peladang serta Koperasi berasaskan pertanian mampu membawa transformasi kepada pergerakan Pertubuhan Peladang seluruh negara," katanya.

Untuk rekod, Zamri berdaftar sebagai ahli peladang sejak tahun 1985 dan bellau merupakan ahli peladang yang aktif serta telah memegang pelbagai jawatan di pelbagai peringkat pertubuhan



ZAMRI

peladang.

Zamri sebelum ini memegang jawatan antaranya sebagai Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Pulau Tawar sejak 1998, Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Pahang sejak 2001 seterusnya Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Pahang pada tahun lalu.

Sepanjang penglibatan Zamri di Pertubuhan Peladang, bellau telah meraih Anugerah Peladang Jaya di peringkat Kebangsaan dan negeri Pahang pada 2002.

KPDNHEP arahkan 34 peniaga turunkan harga ayam serta-merta

KOTA BHARU – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengarahkan 34 peniaga di daerah ini supaya menurunkan harga jualan ayam mereka antara 10 sen hingga 50 sen bagi setiap kilogram sehingga semalam.

Pengarah KPDNHEP Kelantan, Adnan Abd. Rahman berkata, daripada jumlah itu, seramai 33 peniaga bersetuju menurunkan harga ayam tersebut semasa penyerahan notis pemberitahuan dibuat.

Menurutnya, notis itu bagi memberi peringatan supaya tidak menaikkan harga dengan sewenang-wenangnya.

"Selain itu, ia dapat menangani segera isu kenaikan harga yang tinggi di pasaran. Penurunan harga ini menunjukkan komitmen peruncit, pemborong dan penternak berikutan keluhan pengguna.

"Kita akan sentiasa memantau bagi memastikan pengguna mendapat harga yang munasabah tanpa menjejaskan peniaga dan manipulasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab," katanya dalam satu kenyataan di



ADNAN (kiri) sewaktu menjalankan pemeriksaan harga ayam di pasar sekitar Kota Bharu semalam. – IHSAN KPDNHEP

sini semalam.

Menurut Adnan, pemeriksaan yang dijalankan di daerah ini mendapati harga jualan ayam tertinggi dikesan di Pasar Awam Kereh dengan harga RM9.50 sekilogram.

Bagaimanapun, katanya har-

ga tersebut telah diturunkan sebanyak 50 sen selepas peniaga menerima notis.

"KPDNHEP Kelantan turut mendapati harga jualan runcit ayam masih dijual pada harga rendah RM7.90 sekilogram," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/9/2021	SINAR HARIAN	NEGERI SELANGOR	25

300 ayam, 500kg ikan habis tak sampai 2 jam

Penduduk Meru serbu program jual ayam, ikan murah

Oleh ENGGU SHARIFUL AZNI

KLANG

Penduduk kawasan sekitar di sini berpusu-pusu mendapatkan bekalan ayam dan ikan mentah pada harga murah menerusi Program Jualan Amal Harga Bantu Rakyat di Meru di sini pada Khamis.

Pengerusi Pertubuhan Muafakat Meru, Zaifun Nazim Ramli berkata, pada program itu, ayam mentah dijual dengan harga RM8 seekor manakala ikan kembung berharga RM7 seekilogram yang diadakan sempena Hari Malaysia.

Beliau yang juga Naib Ketua UMNO Bahagian Kapar berkata, sebanyak RM5,000 diperuntukkan untuk program tersebut merangkumi 300 ekor ayam dan 500 kilogram ikan kembung dan ia dibuka kepada penduduk di kawasan sekitar.

“Program dilaksanakan secara pandu lalu di tempat letak kenderaan bersebelahan Masjid Asy-Syarif di sini bagi mengurangkan kesesakan orang



Sebanyak 300 ekor ayam dan 500kg ikan kembung dijual dalam Program Jualan Amal Harga Bantu Rakyat di Meru, Klang pada Khamis.

ramai yang datang sejak jam 7.30 pagi.

“Pembelian bagi setiap keluarga bagaimanapun dihadkan kepada seekor ayam dan seekilogram ikan kembung sahaja,” katanya pada Jumaat.

Zaifun Nazim berkata, program tersebut dianjurkan Pertubuhan Muafakat Meru selaku pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dengan kerjasama UMNO Bahagian Meru dan Pemuda UMNO Bahagian Kapar.

Ujarnya, seramai 15 orang ditugaskan sepanjang program tersebut berlangsung bermula pada jam 8.30 pagi sehingga stok bahan mentah tersebut habis sekitar jam 10.15 pagi.

Beliau berkata, pihaknya mampu menawarkan harga yang rendah kepada pembeli kerana pihak penaja menanggung sebahagian kos jualan bahan mentah tersebut daripada pembekal.

“Kita berunding dengan pembekal ayam dan ikan tersebut untuk mengeluarkan kos mereka, contohnya RM7 seekilogram untuk ayam. Jadi kita jual kepada orang ramai pada harga RM5. Baki RM2 ditanggung oleh penaja.

“Kita ada merancang untuk melaksanakan program tersebut di kawasan Kapar, cuma tidak pasti bila ia akan dijalankan,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/9/2021	HARIAN METRO	BISNES	25

Koperasi teroka industri ternakan lembu

Kuala Lumpur: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa) akan terus mempertingkatkan pembabitatan koperasi dalam bidang penternakan lembu dengan mewujudkan koloni di bawah Projek Berkelompok Koperasi.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, industri tenusu di negara ini menunjukkan permintaan yang memberangsangkan dari segenap lapisan masyarakat.

Katanya, ia mendorong sektor koperasi untuk mengambil peluang dalam industri penternakan lembu menghasilkan produk tenusu serta memberi pulangan tinggi kepada mereka.

"Anak syarikat Angkasa, Angkasa-Komardi Dairy Sdn Bhd (Projek Ternakan



ABDUL Fattah (kanan) melawat ladang ternakan milik Konsortium Koperasi Kariah Masjid Malaysia Berhad (KONSORMAS) di Kampung Kuala Jerang, Negeri Sembilan.

Lembu Tenusu dan Heifers Park) sudah bergerak cergas apabila berjaya menyewa kandang ternakan lembu dari Kementerian Pertanian dan Industri Makanan di bawah Projek Pertanian Moden di Kluang, Johor.

"Projek kendalian bersama Sektor Pertanian dan Industri Asas Tani Angkasa ini akan memfokuskan kepada pembakaan serta pengeluaran susu.

"Pada Januari 2022, sebanyak hampir 60 lembu

dari Australia akan dibawa masuk yang dipilih khas bakanya oleh kumpulan projek pakar," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau menyeru koperasi mengambil peluang mendapatkan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan kerajaan bagi merealisasikan pembangunan industri tenusu ini.

Menurutnya, Angkasa bekerjasama dengan Persekutuan Koperasi Pertanian Kebangsaan (NACF) Korea Selatan.

Katanya, ia dalam aspek pemindahan teknologi dan kepakaran yang diharap dapat membangunkan industri tenusu dan penternakan yang lebih bersistematik, produktif, sekali gus mampu meningkatkan pendapatan koperasi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/9/2021	MSN.COM	ONLINE	

Koperasi teroka industri ternakan lembu



© Provided by Harian Metro ABDUL Fattah (kanan) melawat ladang ternakan milik Konsortium Koperasi Kariah Masjid Malaysia Berhad (KONSORMAS) di Kampung Kuala Jerang, Negeri Sembilan.

ANGKATAN Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa) akan terus mempertingkatkan pembabitan koperasi dalam bidang penternakan lembu dengan mewujudkan koloni di bawah Projek Berkelompok Koperasi.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, industri tenusu di negara ini menunjukkan permintaan yang memberangsangkan dari segenap lapisan masyarakat.

Katanya, ia mendorong sektor koperasi untuk mengambil peluang dalam industri penternakan lembu menghasilkan produk tenusu serta memberi pulangan tinggi kepada mereka.

"Anak syarikat Angkasa, Angkasa-Komardi Dairy Sdn Bhd (Projek Ternakan Lembu Tenusu dan Heifers Park) sudah bergerak cergas apabila berjaya menyewa kandang ternakan lembu dari Kementerian Pertanian dan Industri Makanan di bawah Projek Pertanian Moden di Kluang, Johor.

"Projek kendalian bersama Sektor Pertanian dan Industri Asas Tani Angkasa ini akan memfokuskan kepada pembakaan serta pengeluaran susu.

"Pada Januari 2022, sebanyak hampir 60 lembu dari Australia akan dibawa masuk yang dipilih khas bakanya oleh kumpulan projek pakar," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau menyeru koperasi mengambil peluang mendapatkan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan kerajaan bagi merealisasikan pembangunan industri tenusu ini.

Menurutnya, Angkasa bekerjasama dengan Persekutuan Koperasi Pertanian Kebangsaan (NACF) Korea Selatan.

Katanya, ia dalam aspek pemindahan teknologi dan kepakaran yang diharap dapat membangunkan industri tenusu dan penternakan yang lebih bersistematik, produktif, sekali gus mampu meningkatkan pendapatan koperasi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/9/2021	KOSMO	ONLINE	

Tiga kementerian termasuk MOF kaji stabilkan harga ayam



PUTRAJAYA – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan melibatkan Kementerian Kewangan (MOF) dalam mencari penyelesaian yang boleh dilaksanakan kerajaan sebagai langkah proaktif menstabilkan harga ayam untuk jangka masa panjang.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, untuk tujuan itu, beliau akan mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan MOF selain Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi mencari satu penyelesaian jangka panjang munasabah terhadap isu harga ayam.

Beliau berkata, buat masa ini, KPDNHEP secara berterusan mengadakan sesi perbincangan bersama MAFI dalam memastikan isu kos tinggi makanan ternakan seperti dedak import, harga baka dan anak ayam yang mempengaruhi harga ayam di peringkat pengguna dapat diminimum serta diurus dengan baik.

“KPDNHEP prihatin dan mengambil maklum akan permasalahan harga makanan ayam yang tinggi yang turut menjadi faktor kepada kenaikan harga ayam di pasaran.

“Lebih kurang 80 peratus makanan ayam adalah diimport dan kenaikan harga di peringkat global turut mempengaruhi isu harga ayam di pasaran negara,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini. -K! ONLINE

18 SEP, 2021

Sesi libat urus stabilkan harga ayam di pasaran

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Sesi libat urus stabilkan harga ayam di pasaran

Memastikan tiada sebarang tekanan harga berlaku yang memberi kesan kepada harga runcit pengguna

PUTRAJAYA: Pelaksanaan mekanisme sesi libat urus pihak industri melalui pengeluaran Surai Pemberitahuan (SP) menunjukkan hasil positif apabila harga ayam di pasaran mula dilihat stabil pada masa ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata sesi libat urus yang membabitkan pembekal, penternak dan pemborong itu adalah supaya mereka tidak membuat sebarang tekanan harga yang memberi kesan kepada harga runcit pengguna.

Menurutnya, mekanisme pengeluaran SP di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 kepada peniaga itu digunakan sebagai pendekatan secara lembut yang bersifat seimbang dan mengambil kira situasi yang dihadapi oleh pihak industri susulan daripada kenaikan harga makanan ternakan.

"Tujuan pengeluaran SP ini adalah sebagai peringatan dan arahan kepada pihak peniaga di setiap rantai agar membuat semakan semula harga dan membuat perubahan harga (supaya) tidak beri kesan kepada harga runcit pengguna di pasaran," katanya dalam kenyataan semalam mengenai isu harga ayam.

Nanta berkata, kenaikan harga yang berterusan sebelum ini dapat distabilkan hasil kerjasama daripada pengeluar dan pihak yang terlibat dalam rantai pemasaran ayam.

Menurut beliau sejumlah 145 SP telah dikemukakan kepada peniaga di setiap rantai pengedaran bagi memberi maklumat dan peringatan agar tiada perubahan harga yang menunjukkan kenaikan mendadak dilakukan masa ini.

Nanta berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) buat masa ini tidak bercadang untuk melaksanakan kawalan harga sepanjang masa kecuali yang dilaksanakan ketika musim perayaan utama melalui penguatkuasaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP).

Bagaimanapun, katanya kementerian tidak teragak-

agak untuk melaksanakan penguatkuasaan yang lebih tegas dengan membuat kawalan harga sepanjang masa jika harga di setiap rantai pengedaran ayam semakin meningkat dan tidak munasabah.

"Tindakan semasa adalah melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan harga ayam secara konsisten bagi memastikan tiada berlakunya sebarang manipulasi harga atau untung dalam kalangan peniaga melalui mekanisme kawalan yang dikuatkuasa-



NANTA

“Tujuan pengeluaran SP ini adalah sebagai peringatan dan arahan kepada pihak peniaga di setiap rantai agar membuat semakan semula harga dan membuat perubahan harga (supaya) tidak beri kesan kepada harga runcit pengguna di pasaran.”

Datuk Seri Alexander Nanta Linggi
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

kan melalui perundangan antipencatutan,” katanya.

Menurut Nanta, sejumlah 164 premis telah diperiksa oleh penguat kuasa KPDNHEP di seluruh negara hingga 14 Sept lepas melibatkan 166 jenis ayam meliputi ayam hidup, ayam standard dan ayam super.

Sejumlah 163 Notis Pengesahan Maklumat Barangan (NPMB) juga telah dikeluarkan kepada peniaga ayam yang diperiksa bagi tujuan mendapatkan maklumat terperinci berhubung kos operasi dan kos belian, katanya.

Nanta berkata, setakat ini tiada perlakuan kartel di kesan terlibat di sebalik kenaikan harga ayam, namun KPDNHEP dengan kerjasama Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) akan menyiasat di bawah perundangan yang dikuatkuasakan.

"KPDNHEP memahami kerugian yang dialami oleh pihak peniaga ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang telah menjejaskan perniagaan mereka.

"Namun peniaga di setiap rantai bekalan ayam diingatkan untuk tidak mengambil tindakan drastik dengan

menaikkan harga bagi menampung kerugian mereka. Orang tengah juga diingatkan untuk tidak mengambil kesempatan menekan peniaga dan pengguna," katanya.

Menurut beliau, KPDNHEP mengambil maklum permasalahan harga makanan ayam yang tinggi, yang mana kira-kira 80 peratus makanan ayam adalah diimport dan kenaikan harganya di peringkat global turut mempengaruhi isu harga ayam di pasaran negara.

Katanya, KPDNHEP akan mengadakan perbincangan berterusan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk memastikan isu kos tinggi seperti dedak ayam diimport, harga baka ayam dan anak ayam yang mempengaruhi harga ayam di peringkat pengguna dapat ditimunkan dan diurus dengan baik.

Bagi mencari penyelesaian jangka panjang yang munasabah dan boleh dilaksanakan untuk menstabilkan harga ayam, Nanta berkata satu pertemuan dan perbincangan bersama MAFI dan Kementerian Kewangan (MOF) akan diadakan. — Bernama



18 SEP, 2021

Sesi libat urus stabilkan harga ayam di pasaran

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Memastikan tiada sebarang tekanan harga berlaku yang memberi kesan kepada harga runcit pengguna

PUTRAJAYA: Pelaksanaan mekanisme sesi libat urus pihak industri melalui pengeluaran Surat Pemberitahuan (SP) menunjukkan hasil positif apabila harga ayam di pasaran mula dilihat stabil pada masa ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/9/2021	KOSMO	K2	22

Idam tangkap ibu gelama di musim mengawan

Gewang



Oleh TOREK SULONG

SENTAPAN ibu gelama di sekitar tukun simen dan tukun bot nelayan asing yang ditenggelamkan di perairan Kelantan dekat Pasir Puteh baru-baru ini membuatkan seorang pemancing tegar sentiasa terbayangkan detik tersebut.

Selain gelama, pelbagai jenis ikan kelas A juga terdapat di kawasan yang juga dikenali sebagai Tukun Vietnam itu, namun bergantung sepenuhnya kepada pergerakan arus dasar dan jenis umpan yang digunakan.

Pemancing tersebut, Rosli Ismail, 47, amat merindui untuk mengulangi semula pengalaman mencarutkan ibu gelama yang sememangnya mendebarakan dan memberikan pengalaman yang tidak mungkin dilupakan sepanjang hayat.

Bagaimanapun, katanya, dia perlu bersabar kerana ibu gelama tidak muncul sepanjang musim kecuali hanya ketika gailak mengawan dan berkumpul di dasar tukun pada bulan Ogos sahaja.

"Sekali pun tiada ikan idaman (ibu gelama) ikan-ikan daripada spesies lain seperti tenggiri, merah, kerapu, ebek dan lain-lain masih boleh ditawan di situ.

"Saya terpaksa menyusun jadual memilih hari cuti dan hujung minggu untuk menempah bot memancing. Setiap kali turun, pastinya ada rezeki yang diperolehi," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Dia yang juga Guru Besar Sekolah Kebangsaan (SK) Gong Manak, Cherang Ruku, Pasir Puteh berkata, lebih gemar memilih waktu bulan purnama untuk memancing ibu gelama terutama dalam suasana cuaca baik, olakan laut yang tenang dan air laut pasang besar.

Katanya, kumpulan ibu gelama lebih gemar bermain di kawasan tukun bot yang ditenggelamkan pada

ROSLI bersama ibu gelama yang diperolehnya ketika memancing di sekitar Tukun Vietnam di perairan Kelantan baru-baru ini.



TENGGIRI antara ikan yang wajib dibawa pulang setiap kali memancing di Tukun Vietnam.

IKAN jenuduk antara spesies yang banyak terdapat di kawasan tukun berkenaan.

waktu sedemikian yang menuntut pemancing senyap dan tidak bersembang kuat di atas bot dikhuatiri mengganggu ikan-ikan itu. "Jika diamati, 'suara' ikan ini boleh kedengaran di permukaan air terutama ketika galak mengawan. Waktu inilah peluang keemasan pemancing mencuba nasib dengan melabuhkan mata kail dengan umpan.

"Saya lebih gemar menggunakan umpan udang hidup atau keratan sotong yang mampu memberi balikan cahaya di dasar laut. Penggunaan umpan sebegini telah terbukti berkesan kerana beberapa ekor ibu gelama seberat 17 kilogram sudah berjaya saya daratkan," ujarnya.

Rosli berkata, mengikut 'bacaannya', ibu gelama gemar bermain di dasar yang memiliki alur yang terdapat banyak makanan, terutama anak-anak ketam dan udang.

"Alur ini bagaikan longkang panjang yang terjadi disebabkan oleh pergerakan arus dasar dan ia menjadi habitat anak-anak ikan dan udang. Ibu gelama akan menjengah ke sini untuk mendapatkan makanan terutama ketika air laut pasang pada waktu malam.

"Tkan ini tidak datang seekor, tetapi dalam kumpulan yang banyak.

"Sekiranya bertuah, spesies ikan ini dapat ditawan lebih daripada seekor," katanya.

Rosli berkata, pemancing hendaklah berlawan dengan ikan ini secara perlahan dan tidak terlalu rakus selepas umpan disentak dan perlu menggunakan tangkuk atau cangkuk untuk mendaratkannya ke atas bot.

Katanya, sesetengah pemancing membiarkan ikan ini mati dipermukaan air kerana khuatir akan menimbulkan suasana bising sekiranya terus diangkat ke atas bot yang boleh menyebabkan kawanan lain lari ke kawasan lain.

"Saya pasti tidak akan lepas peluang untuk beraksi semula dengan ibu gelama menjelang Ogos tahun depan," ujarnya.

ANTARA hasil tangkapan tenggiri yang pernah diperolehi Rosli.



Fisherman's switch to mushroom farming pays off

PARIT BUNTAR: A struggling fisherman's perseverance paid off after he ventured into mushroom cultivation at his house in Kampung Raja Bashah, Kuala Kurau, since July. Mohd Radzi Said, 51, said he went into mushroom cultivation after being introduced to the iMistroom system by Dr Hamid Yusoff, a senior lecturer at the School of Mechanical Engineering at Universiti Teknologi Mara Penang. "With RM24,000 withdrawn from the Employees Provident Fund through i-Lestari and i-Sinar, I made my own mushroom house next to my residence. The Agriculture Department donated 2,000 pieces of mushrooms and crop racks and I also received assistance from Sahabat Alam Lestari Parit Buntar and the SIG Admech UiTM Penang research group. I started with grey oyster mushrooms and white oyster mushrooms, and now have 6,000 mushrooms of both variants." **Bernama**

Ministry looking into solution to stabilise chicken prices

By MAZWIN NIK ANIS
mazwin@thestar.com.my

PUTRAJAYA: Discussions will be carried out with the Finance Ministry as well as the Agriculture and Food Industry Ministry to search for a long term solution to stabilise chicken prices.

Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said while there are no plans to implement price control on the produce for

now, the ministry may enforce this if prices at every level of the distribution chain continue to go up unreasonably.

Currently, the price of poultry meat is capped along with a list of other essential food items during festive seasons.

"I will be bringing up this matter with both the ministries and look for a reasonable solution that can be put in place to stabilise chicken prices.

"For now, we are consistently

monitoring and checking prices of the poultry meat to ensure no manipulation of prices among traders," he said in a statement yesterday in response to complaints about a surge in the price of chicken.

Based on the monitoring of wholesale price on Sept 10, the average price of standard chicken (cleaned) at national level is RM8.83/kg.

The price increase had been attributed to the increase in the cost of primary ingredients for chicken

feed namely soy, corn and palm oil, which had gone up several times this year.

Nanta said his ministry is engaging with the Agriculture and Food Industry Ministry to look at various costs in breeding chickens such as imported feed and chicks.

He added that the aim is to see how to minimise the impact of these costs on the price of poultry meat at the consumer level.

"About 80% of the chicken feed used in the country is imported," he

said, adding that no cartel activities have been detected and that the ministry is working closely with the Malaysia Competition Commission (MyCC) to look into the matter.

The ministry is aware of the losses suffered by traders due to the movement control order which had affected their businesses, said Nanta, but he pointed out that this does not justify any action in increasing prices to cushion losses.

"We will continue to monitor closely the price of chicken."